

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

**PARLIMEN YANG KELIMA BELAS  
PENGGAL YANG KEDUA**

**MESYUARAT KHAS**

**HARI KHAMIS, 14 SEPTEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

Bil. 46

---

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL**

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :

“**BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan Kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2021 – 2022 Rancangan Malaysia Kedua Belas;

**merestui** usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, wadah Ekonomi MADANI : Memperkasa Rakyat serta Agenda Pembangunan Mampan 2030;

**meluluskan** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2023 – 2025 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi serta langkah memperkuuh tadbir urus ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi, menurut Kertas Perintah CMD. 30 Tahun 2023; dan

**bahawa** dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan adalah telus, adil dan saksama.”

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (13 September 2023)**